



DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK) beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui perlaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Bagi menjayakan dasar tersebut, MPK komited untuk: -

- Melantik Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ), Jawatan Keselamatan Berjadual (JKB), Pendaftar Rahsia dan Pendaftar Kecil Rahsia (PKR) yang memastikan arahan keselamatan Kerajaan dilaksanakan;
- Memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berdasarkan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat;
- Memastikan perlindungan dan kawalan yang diberikan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang kebocoran;
- Menjamin dan mengutamakan konsep keselamatan dan perlindungan ke atas semua aset ICT dan memastikan teknologi terkini digunakan untuk melindungi data dalam menghalang sebarang capaian oleh pihak luar;
- Memastikan aspek keselamatan peribadi terjamin sepenuhnya yang bertujuan memastikan warga MPK dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan MPK sentiasa melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut dasar, proseder undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- Memastikan kualiti pengurusan semua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan, mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan atau ancaman keselamatan.

(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN S.I.S, P.P.T.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Klang

Tarikh: 12/12/2023